

# Aplikasi kesihatan digital pantau pesakit kronik



**Dr Seri  
Narti Edayu  
Sarchio**

*Pensyarah Kanan Jabatan Sains  
Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains  
Kesihatan, Universiti Putra Malaysia*

**Sejak** pandemik COVID-19, kita dapat melihat peningkatan drastik penggunaan aplikasi digital dalam pengendalian pelbagai operasi secara dalam talian.

Ia membabitkan urusan pentadbiran kerajaan, institusi pendidikan, sektor perniagaan dan dalam kelangsungan hidup masyarakat seperti pembelian barangan keperluan harian.

Apa yang pasti, penularan COVID-19 memberi kita beberapa pengajaran.

Selain kebersediaan terhadap ancaman keselamatan nasional, pandemik menyedarkan kita kepentingan platform digital dan keperluan pengendalian operasi se-

cara dalam talian.

Antara kelompok terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ialah pesakit kronik yang memerlukan pemantauan dan rawatan berterusan di hospital seperti pengidap diabetes, kanser, penyakit kardiovaskular dan pesakit mental.

Pesakit kronik adalah kelompok berisiko tinggi untuk dijangkiti COVID-19. Kebanyakan mereka warga emas, mempunyai mobiliti terhad dan bergantung kepada ahli keluarga atau penjaga untuk bergerak.

Keperluan mendapatkan rawatan di hospital mendedahkan mereka dan ahli keluarga kepada risiko jangkitan.

Berbanding beberapa negara luar, masyarakat Malaysia seharusnya bersyukur mempunyai kerajaan yang prihatin kesejahteraan rakyat.

Walaupun keutamaan hospital dan kakitangan kesihatan pada

waktu ini untuk mengekang penularan wabak COVID-19, khidmat rawatan pesakit kronik di semua hospital bawah Kementerian Kesihatan (KKM) tetap berterusan sepanjang PKP.

KKM turut menyediakan platform pembekalan Ubat Melalui Pos (UMP) bagi membolehkan bekalan ubat dihantar terus ke rumah pesakit dengan kos penghantaran perkhidmatan ditanggung KKM.

Pandemik COVID-19 sebenarnya menyuntik kesedaran keperluan pemantauan kesihatan pesakit kronik secara digital. Syor ini berdasarkan kebaikan jangka panjang yang boleh dicapai jika aplikasi kesihatan digital dilaksanakan di Malaysia.

Pertama, rekod kesihatan pesakit dikumpul dan disimpan dalam platform data raya boleh dijadikan rujukan untuk langkah pencegahan proaktif dan berkesan.

Dengan kemudahan data raya, rekod kesihatan lebih mudah diakses dan dikongsi antara pesakit dan pegawai perubatan. In-

formasi ini dapat mengelak duplikasi ujian dan prosedur tidak diperlukan, sekali gus mengurangkan kos, masa dan meningkatkan kualiti rawatan.

Kedua, kos jangka panjang lebih rendah berbanding kaedah perubatan konvensional. Pemindahan rawatan daripada hospital ke rumah ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada sumber penjagaan di hospital.

Pemantauan dan pengendalian program tele-kesihatan juga boleh dijalankan secara jarak jauh.

Ketiga, pemantauan kesihatan secara digital mampu meningkatkan kualiti penjagaan pesakit kronik. Pesakit dan penjaga akan lebih peka untuk mengawal kondisi kesihatan kerana mempunyai akses kepada informasi itu. Ia sekali gus mengurangkan lawatan berjumpa doktor, serta meningkatkan kualiti hidup pesakit dan penjaga mereka.

Antara cabaran terbesar sebelum aplikasi kesihatan digital ini dapat direalisasikan ialah kesediaan dan pembabitkan semua pi-

hak untuk membangunkan platform data raya sebagai medium penyimpanan maklumat utama. Pembangunan infrastruktur data raya juga membabitkan pelaburan tinggi.

Untuk merealisasikan, sokongan kerajaan dan institusi berkaitan amat diperlukan. Ini termasuk penyaluran dana dan pembangunan dasar bagi memastikan keselamatan dan privasi data yang disimpan.

Perubahan pada cara pengurusan dan penjagaan pesakit juga mungkin mengundang cabaran baharu.

Secara keseluruhan, transformasi rawatan dan pemantauan kesihatan pesakit kronik secara digital amat diperlukan. Ini selari perkembangan teknologi dan penerimaan segenap lapisan umur masyarakat terhadap penggunaan teknologi digital.

Aplikasi kesihatan digital bakal memainkan peranan penting dalam meningkatkan status kesihatan dan menjadikan sistem kesihatan lebih efisien.